

SIRI JELAJAH PEMANTAPAN PENTADBIRAN KONTRAK TUNTUTAN	
BIL	SOALAN DAN JAWAPAN
1.	<p>Tempoh penerimaan dokumen sokongan bagi penilaian tuntutan Kontraktor adalah 3 bulan. Bagaimanakah tempoh ini dikira?</p> <p>Tempoh penerimaan dokumen sokongan dikira bermula selepas tarikh penyiapan kerja. Kontraktor mestilah mengemukakan bukti-bukti yang secukupnya bagi menyokong tuntutannya tidak lewat dari 3 bulan selepas tarikh penyiapan yang praktikal.</p>
2.	<p>Adakah menjadi kesalahan P.P untuk tidak mengambil kira tuntutan Kontraktor sekiranya Kontraktor layak untuk menuntut (yang dibenarkan secara khusus di dalam Syarat-syarat Kontrak sahaja) tetapi telah tidak mengemukakan notis tuntutan?</p> <p>Tidak menjadi satu kesalahan kepada P.P kerana ia bukan menjadi tanggungjawab P.P untuk memaklumkan kepada Kontraktor supaya mengemukakan tuntutan.</p> <p>Kontraktor perlu mengetahui hak-haknya sendiri di bawah Kontrak.</p>
3.	<p>Adakah boleh dipertimbangkan tuntutan Kontraktor yang tiada memberikan notis untuk membuat tuntutan semasa kejadian berlaku?</p> <p>Notis merupakan salah satu pra-syarat untuk Kontraktor membuat tuntutan. Sekiranya tiada notis, P.P hendaklah menolak tuntutan Kontraktor.</p> <p>Jika Kontraktor membuat rayuan, P.P hendaklah menyediakan laporan dan mengemukakan ke Jawatankuasa Tuntutan. Namun demikian, tuntutan tersebut akan ditolak di mana asas penolakan adalah disebabkan ketidakpatuhan Kontraktor kepada Syarat-syarat Kontrak.</p>
4.	<p>Adakah kandungan minit mesyuarat boleh diambil kira sebagai notis tuntutan dan boleh diterima pakai?</p> <p>Minit mesyuarat boleh diterima pakai sekiranya tarikh minit mesyuarat tersebut masih dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas menerima arahan P.P atau selepas berlakunya kejadian atau keadaan yang mengganggu kemajuan kerjanya yang teratur.</p>

SIRI JELAJAH PEMANTAPAN PENTADBIRAN KONTRAK TUNTUTAN	
BIL	SOALAN DAN JAWAPAN
5.	<p>Notis Hasrat Menuntut tidak dikemukakan oleh Kontraktor, adakah pembuktian tarikh kejadian yang dinyatakan dalam minit mesyuarat boleh digunakan?</p> <p>Boleh, jika maklumat dan tarikh kejadian yang dinyatakan dalam minit mesyuarat masih dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas berlakunya kejadian.</p>
6.	<p>Kontraktor memohon lanjutan masa secara bertulis dan dalam masa yang sama menyatakan hasrat untuk membuat tuntutan. Adakah ia boleh dianggap sebagai Notis Hasrat Menuntut?</p> <p>Boleh diterima dengan syarat tempoh notis tersebut tidak melebihi tiga puluh (30) hari dari tarikh kejadian. Notis tuntutan yang dimaksudkan adalah memadai dengan surat yang menyatakan hasrat untuk menuntut.</p>
7.	<p>Kontraktor menggaji beberapa orang pekerja asing yang tidak mempunyai dokumen sah. Pada suatu ketika pihak berkuasa Kerajaan telah membuat tangkapan pekerja yang tiada dokumen sah dan Pihak Berkuasa Tempatan telah menahan kesemua pekerja tersebut. Adakah Kontraktor berhak membuat tuntutan di atas kerugian tiada pekerja di tapak disebabkan tangkapan oleh Pihak Berkuasa Tempatan?</p> <p>Kontraktor tidak boleh membuat tuntutan kepada Kerajaan kerana pada peringkat awalnya pihak Kontraktor telah melakukan kesalahan iaitu menggaji pekerja asing yang tiada permit atau dokumen yang sah.</p>
8.	<p>P.P telah mengeluarkan arahan untuk memberhentikan kerja (<i>stopping works</i>). Bolehkah Kontraktor membuat tuntutan semasa tempoh <i>idling</i>?</p> <p>P.P mempunyai alasan kukuh untuk memberhentikan kerja. Namun P.P perlu memberikan tempoh munasabah untuk <i>idling</i> supaya Kontraktor dapat merancangkan kerja seterusnya sama ada menunggu di tapak atau membawa pekerja dan jentera keluar daripada tapak. Kontraktor boleh membuat tuntutan ke atas masa <i>idling</i> ini jika mematuhi Syarat-syarat Kontrak dan perlu membuktikan semua kerugiannya.</p>

SIRI JELAJAH PEMANTAPAN PENTADBIRAN KONTRAK TUNTUTAN	
BIL	SOALAN DAN JAWAPAN
9.	<p>Dalam situasi <i>idling of plant</i>, Kontraktor akan dibayar sekiranya dapat membuktikan bahawa jentera telah disewa. Bagaimanakah sekiranya jentera tersebut dimiliki oleh Kontraktor sendiri?</p> <p>Kontraktor perlu membuktikan bahawa jentera adalah kepunyaan sendiri. Kos yang boleh dibayar adalah kos selenggara seperti minyak serta perbelanjaan yang ditanggungnya dengan syarat perlu membuktikannya.</p>
10.	<p>Bagaimanakah bayaran boleh dibuat bagi kakitangan yang berada di tapak bina bina sewaktu <i>idling</i>?</p> <p>Kakitangan yang berada di tapak bina sewaktu <i>idling</i> boleh dibayar dengan syarat perlu disahkan dan dibuktikan melalui buku harian (sewaktu kejadian/aktiviti berlaku), KWSP serta resit gaji.</p>
11.	<p>Mesin cerucuk telah tersadai/tidak digunakan kerana menunggu keputusan P.P yang mengambil masa 2 hingga 3 minggu. Bolehkah Kontraktor membuat tuntutan bagi <i>idling</i>?</p> <p>Kontraktor boleh membuat tuntutan <i>idling</i> dengan syarat bukti sewaan mesin cerucuk tersebut dikemukakan.</p>
12.	<p>Projek-projek jalan seringkali mengalami masalah pengambilan balik tanah (PBT) yang mengambil masa yang lama dan menyebabkan berlakunya <i>idling of machinery</i> di tapak bina. Seterusnya, Kerajaan terpaksa memberi lanjutan masa. Adakah boleh menuntut kerugian & perbelanjaan terhadap <i>idling of machinery</i> sehingga masalah pengambilan balik tanah selesai, contohnya, memakan masa sehingga satu tahun?</p> <p>Bagi tuntutan kos <i>idling</i>, Kontraktor hendaklah membendung kerugian yang dialaminya dan hendaklah dibuktikan sebagai contoh terdapat catatan dalam diari tapak yang disahkan. Tuntutan kos <i>idling</i> selama satu tahun adalah tidak wajar kerana pihak kontraktor telah mengetahui masalah PBT tersebut dan hendaklah <i>mobilise</i> jentera-jenteranya ke tempat lain atau menamatkan penyewaan. Kos <i>idling</i> yang dituntut sekitar 1 hingga 3 bulan adalah wajar dibayar dengan pembuktian kerugian daripada Kontraktor.</p>

SIRI JELAJAH PEMANTAPAN PENTADBIRAN KONTRAK TUNTUTAN	
BIL	SOALAN DAN JAWAPAN
13.	<p>Adakah Kontraktor boleh menuntut kerugian disebabkan oleh sewaan loji dan tapak penyimpanan loji dalam tempoh lanjutan masa yang diluluskan?</p> <p>Tuntutan Kontraktor boleh dipertimbangkan dan hendaklah dibuktikan oleh Kontraktor serta kegunaan loji adalah dalam tempoh PKLM berkenaan. Apabila loji berkenaan tidak lagi digunakan, P.P hendaklah bertindak sewajarnya dengan mengarahkan agar loji tersebut dikeluarkan dari tapak.</p>
14.	<p>Bolehkah menuntut kerugian dan perbelanjaan yang disebabkan oleh <i>natural events</i>?</p> <p>Tidak boleh kerana <i>natural events</i> bukan kesalahan mana-mana pihak. Walau bagaimanapun, lanjutan masa boleh dipertimbangkan.</p>
15.	<p>Sekiranya sesuatu projek tersebut telah dikurangkan skop kerjanya, adakah pihak Kontraktor boleh menuntut kerugian keuntungan (<i>loss of profit</i>) akibat pengurangan skop kerja tersebut dengan alasan pihak Kerajaan telah menafikan keuntungannya yang sepatutnya diperolehi dari projek tersebut?</p> <p><i>Loss of profit</i> adalah kehilangan keuntungan yang sepatutnya diperolehi oleh Kontraktor dalam perlaksanaan projek tersebut. Ia boleh dibayar sekiranya Kontraktor boleh membuktikan kerugian yang dialaminya akibat daripada arahan P.P. <i>Loss of profit</i> tidak boleh dikira berdasarkan peratus atau formula. Kehilangan keuntungan berdasarkan jangkaan semata-mata tidak boleh diambil kira kerana tidak ada pihak sama ada Kontraktor atau Kerajaan yang dapat menjangkakan kerugian yang ditanggung.</p>
16.	<p>Pihak Jabatan Kesihatan telah membuat pemantauan kesihatan di tapak bina dan mendapati tapak bina tersebut adalah kotor dan perlu ditutup untuk dibersihkan. Adakah Kontraktor berhak membuat tuntutan pada sepanjang masa tapak bina tersebut ditutup?</p> <p>Kontraktor tidak boleh membuat tuntutan di atas kerugian dan perbelanjaan yang ditanggung kerana Kontraktor bertanggungjawab memastikan kebersihan tapak bina yang digunakan.</p>

SIRI JELAJAH PEMANTAPAN PENTADBIRAN KONTRAK TUNTUTAN	
BIL	SOALAN DAN JAWAPAN
17.	<p>Kontraktor telah mengemukakan tuntutan yang dibolehkan tetapi tidak munasabah. Adakah P.P boleh membuat pindaan ke atas tuntutan berkenaan?</p> <p>P.P hendaklah menyemak dan membuat penilaian ke atas tuntutan berkenaan. Tuntutan kerugian yang layak untuk dipertimbangkan adalah kerugian yang munasabah dan berpatutan. P.P tidak sewajarnya membuat pindaan ke atas tuntutan tersebut namun demikian P.P boleh membuat pengesyoran di dalam laporan penilaian tuntutan yang disediakannya.</p>
18.	<p>Kontraktor mengemukakan dokumen sokongan untuk tuntutan gaji pekerja. Tuntutan gaji tersebut turut termasuk elaun dan bonus. Adakah elaun dan bonus boleh dibayar kerana Kontraktor memasukkan juga sebagai sebahagian emolumen yang dibuat potongan untuk EPF?</p> <p>Elaun tapak boleh dibayar tetapi bonus tidak layak dibayar kerana ia merupakan satu kos yang terhasil daripada keuntungan syarikat.</p>
19.	<p>Adakah faedah bank boleh dibayar dalam tuntutan kerugian & perbelanjaan?</p> <p>Faedah bank boleh dibayar dengan pembuktian perjanjian pihak Kontraktor dengan pihak Bank bagi pinjaman untuk pembinaan projek tersebut. Dokumen yang jelas menyatakan faedah yang telah dikenakan oleh pihak Bank ke atas Kontraktor perlu juga dikemukakan sebagai dokumen pembuktian.</p>

SIRI JELAJAH PEMANTAPAN PENTADBIRAN KONTRAK TUNTUTAN	
BIL	SOALAN DAN JAWAPAN
20.	<p>Adakah tuntutan kerugian & perbelanjaan boleh dibayar sekiranya resit-resit pembuktian adalah di atas nama Subkontraktor?</p> <p>Dalam tuntutan kerugian & perbelanjaan, Kontraktor Utama perlu membuktikan pihaknya telah mengalami kerugian akibat lanjutan masa kontrak. Resit-resit tuntutan atas nama Subkontraktor hendaklah ditolak kerana tidak membuktikan Kontraktor Utama telah mengalami kerugian dan pihak Kerajaan juga tidak boleh memastikan pihak Kontraktor telah membayar kerugian tersebut kepada Subkontraktor terlibat. Kontraktor Utama perlu menilai terlebih dahulu tuntutan Subkontraktor tersebut beserta bukti bayaran yang telah dibuat kepada Subkontraktor sebelum mengemukakan tuntutan kepada Kerajaan.</p> <p>Oleh itu, tuntutan kerugian dan perbelanjaan berdasarkan resit-resit pembuktian di atas nama Subkontraktor tidak boleh diterima sebagai pembuktian sehingga dibuktikan bahawa jumlah tersebut telah dibayar kepada Subkontraktor.</p>
21.	<p>Bolehkah Subkontraktor dinamakan menuntut kerugian dan perbelanjaan tambahan disebabkan lanjutan masa?</p> <p>Boleh, dengan syarat tuntutan tersebut dibuat melalui Kontraktor Utama.</p>
22.	<p>Jika item <i>preliminaries</i> tidak dihargakan, bolehkah Kontraktor menuntut kerugian dan perbelanjaan bagi item tersebut?</p> <p>Kontraktor boleh menuntut jika dikemukakan bil-bil atau resit pembayaran. Bayaran bukan bergantung kepada kos yang dihargakan di dalam <i>preliminaries</i> Dokumen Kontrak tetapi perbelanjaan sebenar Kontraktor dalam tempoh lanjutan masa.</p>
23.	<p>Bagaimanakah jika Perakuan Siap Kerja telah dikeluarkan tetapi pekerja tidak mahu keluar dari tapak bina disebabkan gaji mereka tidak dibayar?</p> <p>Apabila Perakuan Siap Kerja telah dikeluarkan, pihak Kontraktor hendaklah memastikan semua pekerja, peralatan dan jentera dikeluarkan dari tapak bina. Jika pihak Kontraktor masih gagal untuk berbuat demikian dan masih terdapat pekerja di tapak bina, P.P wajar membuat laporan polis.</p>

SIRI JELAJAH PEMANTAPAN PENTADBIRAN KONTRAK TUNTUTAN	
BIL	SOALAN DAN JAWAPAN
24.	<p>Apakah contoh <i>remoteness of damage</i>?</p> <p><i>Remoteness of damage</i> adalah suatu kerugian yang tidak timbul secara langsung akibat daripada kemungkiran Kontraktor. Sebagai contoh, tuntutan untuk bil klinik kerana demam di mana kerugian dan perbelanjaan tersebut bukanlah secara langsung akibat daripada kemungkiran, atau tuntutan yang dibuat dan kemungkiran Kerajaan tiada pertalian.</p>
25.	<p>Adakah tuntutan tertakluk kepada CIPAA?</p> <p>Tuntutan tidak tertakluk kepada CIPAA kerana tuntutan adalah berkait dengan kerugian yang dinyatakan di dalam kontrak.</p>
26.	<p>Terdapat projek Reka & Bina sejak tahun 2006 yang masih aktif dan menggunakan Syarat-syarat Kontrak edisi 2002. Adakah perlu dibuat perjanjian tambahan bagi menghadapi CIPAA?</p> <p>Semua projek tertakluk kepada CIPAA dan tidak memerlukan kepada apa-apa perjanjian tambahan.</p> <p>CIPAA merupakan akta yang terpakai bagi semua kontrak pembinaan.</p>
27.	<p>Bagaimanakah jika terdapat kes di mana Kontraktor Utama layak membuat tuntutan (di bawah tempoh lanjutan masa) tetapi tidak tahu bagaimana untuk membuat tuntutan?</p> <p>Kontraktor bertanggungjawab memahami syarat-syarat kontrak dan mengetahui hak & tanggungjawabnya dalam kontrak.</p>
28.	<p>Bagaimanakah jika Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad telah dikeluarkan dan tuntutan pula baru diluluskan?</p> <p>P.P perlu menyediakan Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad baharu (pindaan) untuk mengambil kira tuntutan yang telah diluluskan.</p>

SIRI JELAJAH PEMANTAPAN PENTADBIRAN KONTRAK TUNTUTAN	
BIL	SOALAN DAN JAWAPAN
29.	<p>Sekiranya Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad telah dibayar, adakah Kontraktor masih boleh dibayar untuk tuntutan yang diluluskan?</p> <p>Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad perlu dibayar sepetimana yang disyaratkan di dalam kontrak. Tuntutan yang telah diluluskan hendaklah dibayar dan Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad baharu perlu disediakan untuk membuat bayaran kepada Kontraktor.</p>
30.	<p>Bolehkah Kontraktor membuat tuntutan ke atas item levi CIDB?</p> <p>Levi tidak layak dituntut oleh Kontraktor kerana levi CIDB merupakan peruntukan di bawah akta yang perlu dipenuhi oleh Kontraktor.</p>
31.	<p>Bagaimanakah pembuktian resit dan dokumen sokongan yang perlu dikemukakan oleh Kontraktor bagi tujuan tuntutan di bawah Klausula 44 kepada Syarat-syarat Kontrak?</p> <p>Resit asal yang dikemukakan dalam tempoh yang telah ditetapkan dalam Syarat-syarat Kontrak hendaklah atas nama Kontraktor itu sendiri.</p>
32.	<p>Tuntutan Kontraktor telah ditolak tetapi Kontraktor ingin meneruskan rayuan di peringkat JKR Negeri. Apakah tindakan yang boleh diambil?</p> <p>Sekiranya tuntutan kontraktor telah ditolak di peringkat JKR Negeri (P.P) tetapi Kontraktor masih membuat rayuan, maka P.P perlu menilai tuntutan rayuan tersebut dan mengemukakan kepada Jawatankuasa Tuntutan peringkat Ibu Pejabat JKR Malaysia.</p>
33.	<p>Apakah tindakan yang perlu diambil sekiranya Kontraktor ingin meneruskan rayuan terhadap kes tuntutan yang telah diluluskan secara <i>ex-gratia</i>?</p> <p>Jika Kontraktor tidak bersetuju dengan keputusan ke atas tuntutan, Kontraktor boleh membawa kes ke timbangtara.</p>

SIRI JELAJAH PEMANTAPAN PENTADBIRAN KONTRAK TUNTUTAN	
BIL	SOALAN DAN JAWAPAN
34.	<p>Adakah terdapat pernyataan di dalam Kontrak berkaitan persetujuan Kontraktor untuk tidak akan membuat apa-apa tuntutan?</p> <p>Tiada.</p>
35.	<p>Kontraktor telah mengemukakan surat untuk membuat tuntutan. Walau bagaimanapun Kontraktor tidak mengemukakan anggaran kos bagi tuntutan tersebut. Apakah yang wajar dilakukan?</p> <p>Selaras dengan Klausus 44.1 Syarat-syarat Kontrak, Kontraktor hendaklah mengemukakan notis niat untuk menuntut dengan anggaran jumlah tuntutan. Walau bagaimanapun, jika tiada anggaran dikemukakan dalam notis tersebut, P.P masih boleh mempertimbangkan tuntutan Kontraktor.</p>
36.	<p>Layakkah Kontraktor menuntut kerugian atau perbelanjaan tambahan bagi item Bon Jaminan Reka Bentuk?</p> <p>Tidak boleh kerana item ini merupakan item yang dinyatakan dalam Kerja Awalan (<i>Preliminaries</i>) walaupun item ini tidak dihargakan oleh Kontraktor.</p>